

MAHATHIR-PERLINDUNGAN 'R' 'R' 'R'
(I)

1983

KUALA LUMPUR, 9 MEI (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI SEKALI LAGI MENGUTUK KUASA-KUASA PERINDUSTRIAN KERANA TUNDUK KEPADA DESAKAN DALAM NEGERI UNTUK MENGENAKAN DASAR PERLINDUNGAN, TERUTAMA SEMASA KEMELESETAN EKONOMI DUNIA SEKARANG.

SAMBIL MENSIFATKAN KEADAAN ITU SEBAGAI +MENYEDIHKAN+, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MENGANGGAP LANGKAH ITU SEBAGAI SALAH SATU DARIPADA ANCAMAN YANG SERIUS KEPADA EKONOMI DAN PERDAGANGAN DUNIA.

IA JUGA MERUPAKAN HALANGAN SEBENAR KEPADA PENCAPAIAN AWAL PERATURAN ANTARABANGSA YANG BARU, KATANYA DI SATU MAJLIS MAKAN TENGAHARI YANG DIBERIKAN UNTUKNYA OLEH PERDANA MENTERI JEPUN ENCIK YASUHIRO NAKASONE YANG SEDANG MELAWAT MALAYSIA.

BELIAU BERKATA : +ADALAH DIKESALKAN BAHAWA NEGARA-NEGARA YANG MENDAKWA MENJADI PENDUDUKUNG PERDAGANGAN BEBAS ITU SENDIRI TELAH MENJADI APA YANG SAYA PANGGIL PARA PEDAGANG BEBAS YANG MENGAMBIL KESEMPATAN+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA MALAYSIA TELAH KERAP KALI BERCAKAP MENENTANG DASAR PERLINDUNGAN YANG SEMAKIN BERLELUASA DAN AKAN TERUS BERBUAT DEMIKIAN UNTUK MENGEKALKAN SISTEM PERNIAGAAN BEBAS DALAM MANA +KAMI MELETAKKAN KEPERCAYAAN KAMI+. --LAGI 1515/MD

MAHATHIR-PERLINDUNGAN 2 KUALA LUMPUR 'R' 'R' 'R'

PERDANA MENTERI MENGALU-ALUKAN KEAZAMAN ENCIK NAKASONE YANG DINYATAKAN UNTUK MENJALANKAN USAHA MENCEGAH DASAR PERLINDUNGAN DAN BERKATA BELIAU TERHUTANG BUDI SAHAWA KERAJAAN JEPUN YANG TELAH MENGAMBIL KIRA KEPERLUAN MALAYSIA UNTUK MENDAPATKAN LEBIH PELUANG BAGI MEMASUKI PASARAN JEPUN.

BELIAU BERKATA SEBAGAI SATU KUMPULAN, ASEAN ADALAH RAKAN PERDAGANGAN JEPUN YANG KEDUA TERBESAR DAN ADALAH WAJAR KUMPULAN SERANTAU ITU DIBERIKAN PERTIMBANGAN YANG SERIUS UNTUK MENDAPAT PELUANG PASARAN BARANGAN EKSPORTNYA.

BELIAU MENJELASKAN KENAKMURAN YANG DINIKMATI OLEH ASEAN AKAN MEMBERIKAN FAEDAH KEPADA JEPUN DARI SEGI ASEAN MENJADI RAKAN YANG LEBIH BAIK UNTUK JEPUN.

+MUNGKIN, JIKA JEPUN MENGAMBIL DAYAUSAHA DALAM HAL INI, LAIN-LAIN NEGARA INDUSTRI YANG MAJU DI BARAT TERPAKSA MENGIKUT JEJAK LANGKAHNYA+, TAMBAN BELIAU. --BERNAMA 1520/MD